

**BAB TIGA**  
**ADAB AL-RIYĀDAH WA AL-ISTIṢLAḤ MENURUT AL-MĀWARDĪ DALAM**  
**KARYA ADAB AL-DUNYĀ WA AL-DĪN**

**3.0 PENDAHULUAN**

Al-Māwardī telah membahagikan perbincangan mengenai *adab al-nafs* di dalam kitabnya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* kepada dua pecahan iaitu *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* dan juga *adab al-muwāda‘ah wa al-iṣṭīlah*. Kedua-dua bab ini mempunyai perbincangan tersendiri mengenai beberapa sifat yang termasuk di dalam kategori masing-masing. Walau bagaimanapun, bab ini hanya akan menyentuh perbincangan mengenai *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* sahaja. Al-Māwardī telah membahagikan adab ini kepada enam fasal yang terdiri daripada *al-i‘jāb wa al-kibr*, *ḥusn al-khuluq*, *al-ḥayā’*, *al-ḥilm wa al-ghaḍab*, *al-ṣidq wa al-kadhb* dan *al-ḥasad wa al-munāfasah*.

Keenam-enam fasal ini dihuraikan oleh al-Māwardī dengan mendatangkan ayat-ayat al-Qur’an, al-Hadith, kata-kata para ulama’, ahli balaghah dan syair sebagai hujah dan keterangan di samping menghuraikan kebaikan, keburukan serta proses yang perlu dilalui individu ketika berusaha menghapuskan adab buruk dan menggantikannya pula dengan adab yang baik. Perbincangan seterusnya dalam bab ketiga ini akan memperincikan enam fasal *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* tersebut.

### 3.1 *AL-I'JĀB WA AL-KIBR*

Al-Māwardī menyatakan bahawa kedua-dua sifat ini boleh menghilangkan kemuliaan dan mendatangkan kehinaan kepada pemiliknya.<sup>1</sup> Kedua-dua sifat ini sama pada kecelaannya tetapi berbeza pada maknanya.<sup>2</sup> Individu yang telah dikuasai oleh sifat ini tidak menerima nasihat dan kritikan orang lain.<sup>3</sup> Huraian terperinci mengenai pandangan al-Māwardī sifat-sifat ini adalah seperti di bawah.

#### 3.1.1 *Al-Kibr ( Sombong)*

Sifat *al-kibr* atau sombong muncul kerana kedudukan (*al-manzilah*)<sup>4</sup> yang digambarkan dari kedudukannya yang tinggi.<sup>5</sup> Justeru, orang yang bersifat sombong ini akan mengangkat dirinya lebih tinggi daripada golongan lain termasuk kalangan orang yang berilmu.<sup>6</sup>

Menurut al-Māwardī, sifat sombong merupakan penyebab kepada kebencian yang menghalang dan memutuskan perhubungan persahabatan serta menghasilkan rasa benci di antara satu sama lain.<sup>7</sup> Beliau menerangkan secara tidak langsung mengenai sifat sombong yang tidak layak wujud di dalam diri manusia berdasarkan kedudukan asal usul manusia itu

---

<sup>1</sup> Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Baṣrī (1986), *Kitāb Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 236.

<sup>2</sup> Al-Māwardī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad (1981), *Tashīl al-Naṣr wa Ta’jīl al-Ḍufr*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabīyah, h. 51.

<sup>3</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h.236.

<sup>4</sup> *Al-manzilah* disini bermaksud kedudukan kekuasaan yang tinggi. Lihat al-Arzanjānī, Shaykh Uways Wafā (1328H.), *Minhāj al-Yaqīn Sharāḥ Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Turki: Maḥmūd Bek, h. 397.

<sup>5</sup> Al-Māwardī (1981), *op.cit.*, h. 51.

<sup>6</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 236.

<sup>7</sup> *Ibid.*.

sendiri.<sup>8</sup> Selain itu, orang yang sombong juga telah meletakkan dirinya di dalam keburukan dan kejahilan yang nyata kerana merasakan diri mereka mulia walaupun pada hakikatnya ia mendapat kehinaan disebabkan kesombongan tersebut.<sup>9</sup> Hal ini terjadi kerana pada kebiasaannya orang yang sombong tidak menyedari kekurangan dirinya berbanding orang lain dan menjadi sombong untuk memuliakan diri mereka serta mengangkat darjat dari kehinaan diri mereka sendiri.<sup>10</sup>

Punca munculnya sifat sombong dalam diri seseorang ialah kerana individu tersebut mempunyai kedudukan yang tinggi, pengaruh kuasa yang besar serta kurang pergaulan dengan golongan yang sama taraf dengannya. Ia merupakan sebab yang paling kuat dan dominan yang menyebabkan seseorang bersifat sombong.<sup>11</sup> Bagi mengelakkan sifat sombong, al-Māwardī meyarankan supaya individu yang memiliki kedudukan haruslah menghilangkan penyebab kesombongan dari diri mereka dan sebaliknya menghiasinya dengan sifat tawaduk.<sup>12</sup>

---

<sup>8</sup> Al-Māwardī telah menukilkan sebuah kisah yang berlaku di antara Muṭarrif bin ‘Abdullāh al-Shikhkhīr yang melihat al-Muhallab bin Abī Sufrah memakai pakaian sehingga terseret di atas tanah dan berjalan dengan sombong. Muṭarrif telah menegur al-Muhallab kerana perbuatannya yang dibenci oleh Allah dan RasulNya. Al-Muhallab menjawab dengan bertanyakan adakah Muṭarrif mengenalinya. Lalu Muṭarrif menjawab bahawa dia sememangnya telah mengenalinya iaitu “ia (al-Muhallab) hanyalah berasal dari air mani yang hina, dan pengakhirannya juga adalah bangkai yang hina dan isi perutnya dipenuhi oleh najis dan kotoran. Lihat *ibid.*, h. 237.

<sup>9</sup> Kenyataan al-Māwardī ini adalah berdasarkan sebuah kisah mengenai Nāfi‘ bin Jubayr yang telah ikut berkumpul di dalam halaqah al-‘Alā’ bin ‘Abd al-Raḥman al-Ḥurqī yang mengajar orang disekelilingnya. Setelah selesai, Nāfi‘ bin Jubayr bertanya kepada orang ramai tentang tujuan kehadirannya sama ada mereka mengetahuinya ataupun tidak. Lalu mereka mengatakan bahawa Nāfi‘ hanya ingin turut serta mendengar. Nāfi‘ telah menafikannya lalu menyatakan kehadirannya dengan menyertai mereka semua adalah untuk tawaduk atau merendah diri kepada Allah. Lihat *ibid.*, h. 237.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 239.

<sup>12</sup> Al-Mawardī telah menyebut beberapa kisah mengenai Rasulullah s.a.w. dan beberapa sahabat r.a. yang merendah diri dengan kemuliaan yang ada pada diri mereka. Lihat *Ibid.*, h. 239.

### 3.1.2 ‘*Ujub* (Bangga Diri)

‘*Ujub* atau bangga diri terhasil daripada kemuliaan diri seseorang. Justeru, orang yang bangga diri menganggap dirinya lebih mulia daripada orang lain.<sup>13</sup> Sifat bangga diri ini akan menyembunyikan kebaikan dan menyerlahkan keburukan di samping hanya menimbulkan celaan dan menghalang daripada wujudnya kemuliaan sejati.<sup>14</sup>

Sifat bangga diri muncul disebabkan puji-pujian berlebihan dan sanjungan daripada orang di sekelilingnya. Golongan yang memuji ini menurut al-Māwardī telah terbiasa dengan sifat munafik.<sup>15</sup> Individu tersebut juga didapati lemah dari segi akal yang menyebabkan mereka terus memperdaya dan menyembunyikan kebenaran. Tujuan mereka adalah untuk memperdaya dan memperolokkan orang yang dipujinya itu.<sup>16</sup> Rasulullah s.a.w. telah bersabda mengenai pujian dalam sebuah Hadithnya:

اياكم والتمادح فانه الذبح ان كان احدكم مادحا أخاه لا محالة فليقل :  
أحسبه , ولا أزكي على الله أحدا

Jauhkanlah dirimu dari saling memuji, kerana memuji bererti menyembelih. Jika salah seorang diantara kamu memuji orang lain yang bukan pada tempatnya, maka hendaklah dia berkata: “Semoga apa yang kamu katakan itu benar dan aku tidak akan memuji siapa pun kecuali kepada Allah.”<sup>17</sup>

Al-Māwardī menegaskan bahawa orang yang berakal perlu menghindari diri dari pujian dan mencegah dirinya dari membenarkan pujian dan sanjungan yang diberikan kepada dirinya atas perbuatannya. Ini kerana manusia sememangnya menyukai pujian dan

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 236.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 237.

<sup>15</sup> Allah S.W.T. telah menerangkan mengenai sifat orang munafik di dalam al-Qur’an. Lihat surah al-Baqarah (2):8-20 dan surah al-Munafiqun (63):1-8.

<sup>16</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 239.

<sup>17</sup> Ibn Mājah, Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwinī (1918), *Sunan Ibn Mājah*, “Kitāb al-Adab”, no. Hadith 3743, 3744. Kaherah: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyah, h.1232.

sanjungan.<sup>18</sup> Seseorang yang menerima dan cenderung kepada pujian akan terus menerus mengikut nafsu syahwat dan keinginannya untuk menyibukkan dirinya dengan perbuatan mulia supaya sentiasa mendapat pujian. Pujian pada hakikatnya adalah merupakan pendustaan dan celaan, dan hanya sedikit sahaja pujian serta sanjungan yang mengandungi kebenaran. Justeru, para ulama' dan orang-orang yang mulia sangat membenci untuk mengeluarkan kata-kata pujian dan sanjungan menghindari dan memelihara diri dari kebiasaan mencari sanjungan.<sup>19</sup> Apabila pujian dan celaan bertembung, maka hanya kebenaran yang akan menentukannya kerana kebenaran adalah sesuatu yang tidak dapat dibantah oleh orang yang berakal dan mumayyiz.<sup>20</sup>

Menurut al-Māwardī, orang yang mengharapkan pujian kebiasaannya terlalu menuntut untuk diterima dan tidak bersedia untuk ditolak. Orang yang suka pada pujian ini akan sentiasa mengharapkan pujian daripada sahabatnya kerana ia akan merasa bimbang dan khuatir jika orang di sekelilingnya melupakan kelebihan yang ada pada dirinya, lalu haknya akan hilang. Selain itu juga, ia bertujuan untuk memperdaya orang ramai dengan pujian dan sanjungan agar mereka beranggapan apa yang dikatakan olehnya adalah benar dan harus diikuti. Perbuatan menyanjung dirinya sendiri ini bagaikan suatu hiburan untuk dirinya. Dalam hal ini, al-Māwardī menganggap ia sebagai suatu perbuatan yang bodoh dan sekaligus menunjukkan bahawa terdapat kekurangan pada diri individu tersebut.<sup>21</sup>

---

<sup>18</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 240.

<sup>19</sup> *Ibid.*.

<sup>20</sup> *Ibid.*.

<sup>21</sup> *Ibid.*,h. 241.

### 3.1.3 Menjauhi *al-Kibr* Dan *'Ujub*

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, sombong dan bangga diri keduanya merupakan sifat yang dapat menghilangkan kemuliaan diri dan mendatangkan kehinaan kepada pelakunya. Al-Māwardī telah mendatangkan pelbagai contoh dan kisah dalam penerangannya mengenai keburukan kedua-dua sifat ini sebagai pengajaran. Antaranya al-Māwardī menyatakan sekiranya orang yang *kibr* dan *'ujub* ini mengambil pengajaran daripada apa yang telah terjadi kepada golongan sebelum ini yang telah ditimpa musibah akibat sifat sombong dan bangga diri, maka perasaan rendah hati dan ingin mengubah sikap akan timbul. Sikap sombong akan berubah kepada ketundukan dan hilanglah juga rasa ketakutan yang kemudiannya digantikan dengan ketenangan diri.<sup>22</sup>

Selain itu, orang yang menjauhi sifat sombong dan menghindari sifat bangga diri berhak mendapatkan kemuliaan dan kedudukan yang luhur dalam kehidupan di dunia ini. Ini kerana, menurut al-Māwardī, golongan ini telah berusaha mengurangi dan mencegah dirinya dari dikuasai oleh kedua-dua sifat *radhā'il* ini.<sup>23</sup>

Di samping itu, al-Māwardī turut menyarankan agar orang yang berakal perlu merujuk kepada petunjuk para ulama' yang memiliki hati yang bersih supaya ada orang yang menegur dan memberi peringatan kepadanya terhadap segala kekurangan yang ada pada dirinya. Ini kerana para ulama' merupakan golongan yang selalu menjaga kebaikan dan menghindari segala celaan. Ia merupakan saranan daripada al-Māwardī kerana ianya merupakan suatu pandangan dan pemikiran yang baik yang patut dilaksanakan. Ianya dilihat sebagai suatu pandangan yang tulus dari orang yang bersih hatinya iaitu para ulama'

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 238.

<sup>23</sup> *Ibid.*

yang dapat menjadi pengganti kepada pujian yang hanya membawa kepada akibat yang buruk.<sup>24</sup>

Apabila sebab-sebab yang menimbulkan sombong dan bangga diri dapat dibuang, al-Māwardī menyarankan agar sifat sombong digantikan dengan sifat tawadu' atau rendah diri serta menggantikan sifat bangga kepada kemesraan dan kasih sayang. Ia dapat menguatkan serta mengukuhkan lagi sebab-sebab kemuliaan dan kenikmatan yang menghasilkan ketenangan hati, menimbulkan rasa kasih sayang dan menghilangkan rasa benci.<sup>25</sup> Kedudukan dan martabat boleh menyebabkan perubahan akhlak kepada akhlak yang tercela serta menzahirkan akhlak yang buruk. Manakala orang yang sedia memiliki akhlak yang terpuji, kedudukan dan martabat merupakan suatu anugerah kemuliaan baginya. Perubahan keadaan yang berlaku secara tiba-tiba dan tidak berperingkat serta tanpa persediaan menurut al-Māwardī akan menyebabkan perilaku yang sebenar yang tersembunyi akan terzahir.<sup>26</sup>

### 3.2 *ḤUSN AL-KHULUQ*

Akhlak mulia merupakan antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam pembinaan adab yang ditekankan oleh al-Māwardī dalam *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah*. Latihan dan kesedaran dengan akhlak mulia ini yang perlu dipupuk dalam diri setiap individu. Al-Māwardī dalam menerangkan mengenai akhlak mulia tidak mendatangkan definisi secara langsung. Akan tetapi, beliau telah menyebut beberapa ciri individu yang berakhlak dengan akhlak mulia iaitu mudah bertolak ansur, mudah untuk berurusan

---

<sup>24</sup> *Ibid.*,h. 241.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> *Ibid.*,h. 242.

dengannya, wajah yang tenang, terhindar dari kebencian orang dan baik tutur katanya.<sup>27</sup>

Keterangannya ini adalah berdasarkan sebuah Hadith Rasulullah s.a.w.

عن أبي هريرة أن رجلا سأل رسول الله فقال (ص) فقال يا رسول الله  
من أهل الجنة؟ فقال: كل هين لين، قريب سهل

Daripada Abū Hurayrah bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: “Ya Rasulullah, siapakah ahli syurga? Rasulullah s.a.w. menjawab: “Ahli syurga adalah orang yang lembut dan penurut, dan orang yang bermurah hati dan mudah didekati.”<sup>28</sup>

Selain itu, terdapat beberapa faedah bagi mereka yang berakhlak dengan akhlak mulia seperti yang telah dinukilkan oleh al-Māwardī. Secara keseluruhannya beliau telah menyatakan tiga faedah yang sangat besar yang akan diperoleh oleh mereka yang berakhlak mulia. Ianya adalah berdasarkan kepada Hadith Rasulullah s.a.w. mengenai kelebihan akhlak mulia serta kata-kata para ulama’.

Faedah yang pertama ialah kehidupan orang yang berakhlak mulia tenang dan orang sekelilingnya juga turut merasa aman dan selamat. Ianya sebagaimana ungkapan sebahagian ahli balaghah iaitu:

الحسن الخ ليق من نفسه في راحة و الناس منه في سلامة والسيء الخلق  
الناس منه في بلاء وهو من نفسه في عناء

Akhlak yang mulia menimbulkan dalam diri ketenangan dan orang yang berada di sekelilingnya merasa aman dan selamat, sedangkan akhlak yang buruk menjadikan orang disekelilingnya dalam keadaan gelisah dan dirinya sendiri akan berada dalam kesulitan.<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 243.

<sup>28</sup> Al-Bayhaqī, Imām Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusain (1990), *Sha‘b al-Īmān*, j. 6, “Bāb Fī Ḥusn al-Khuluq”, no. Hadith 8124. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 272.

<sup>29</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 242.



Faedah kedua yang diperoleh ialah bertambah sahabat dan musuhnya sedikit. Selain itu, ianya turut memperoleh kemudahan dalam segala urusan dan melembutkan hati orang yang marah.

Faedah yang ketiga ialah mereka yang berakhlak mulia meraih kebahagiaan dalam hidup dengan sahabat yang ramai dan sedikitnya musuh yang mendekati. Ianya bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w. dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhārī:

أحبكم الي أحاسنكم أخلاقا الموطؤون أكنافا, الذين يألفون ويؤلفون

Orang yang paling aku cintai di antara kalian adalah orang yang paling baik akhlaknya, yang lembut perangainya dan orang yang saling kasih mengasihi dan sayang menyayangi.

Rasulullah s.a.w. sendiri menyatakan kecintaan Baginda kepada orang yang berakhlak mulia. Kenyataan Hadith ini menunjukkan bahawa orang yang berakhlak mulia akan dicintai dan mendapat kebahagiaan kerana kasih sayang orang yang berada di sekelilingnya kepada dirinya.

Walau bagaimanapun, akhlak mulia sebagaimana yang diterangkan oleh al-Māwardī mempunyai batasan dan aturan tertentu. Ianya adalah berdasarkan kepada beberapa buah Hadith yang menerangkan mengenai sifat bermuka-muka yang ditegah oleh Rasulullah s.a.w. yang mana ianya merupakan sifat orang munafik dan merupakan salah satu sifat yang hina.<sup>30</sup> Sabda Rasulullah s.a.w.:

وتجدون شر الناس ذو الوجهين,الذى يأتى هؤلاء بوجه و هؤلاء بوجه

Orang yang paling jahat adalah orang yang bermuka dua, iaitu orang yang datang kepada seseorang dengan satu muka dan datang kepada orang lain dengan mukanya yang lain.<sup>31</sup>

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 243.

<sup>31</sup> Al-Bukhārī, al-Imām Ḥāfiẓ Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Bāb al-Manāqib”, no. hadith 3494. Riyadh: Dār al-Salām. h. 285.

Makhul telah meriwayatkan dari Abū Hurayrah bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

لا ينبغي لذي الوجهين أن يكون أميناً عند الله تعالى

Tidak layak bagi seseorang yang bermuka-muka (talam dua muka) untuk bertemu dengan Allah.<sup>32</sup>

Berdasarkan Hadith yang telah dinyatakan di atas menunjukkan bahawa sifat bermuka-muka ini merupakan sifat yang keji dan tidak disukai di sisi Allah. Seseorang yang dikatakan berakhlak mulia tidak seharusnya mempunyai sifat bermuka-muka dengan menonjolkan dirinya baik pada suatu pihak dan sebaliknya apabila berada dalam lingkungannya sendiri.

### 3.2.1 Perubahan Akhlak

Perubahan yang berlaku dari akhlak mulia dan perilaku yang lembut kepada akhlak yang buruk berlaku dengan beberapa sebab yang mendatang. al-Māwardī telah mendatangkan tujuh sebab perubahan akhlak yang baik kepada akhlak yang buruk. Sebab yang pertama ialah *al-walāyah*. Ianya menyebabkan perubahan kepada akhlak seseorang. Lingkungan tempat tinggal boleh merubah akhlak yang baik menjadi buruk. Hal ini terjadi kerana pergaulan yang mana ianya berlaku sama ada kerana perangai dan akhlaknya yang buruk sebelum ini atau kerana keresahan dan susah hati.<sup>33</sup>

Sebab yang kedua ialah *al-‘azl*. Kebiasaan mengasingkan diri seringkali menjadikan akhlak semakin buruk dan sempit dada dan meresahkan jiwa. Hal ini sering

---

<sup>32</sup> Al-Qadā‘ī, al-Qādī Abī ‘Abdullāh Muḥammad bin Salāmah (1985), *Musnad al-Shihāb*. j. 2. no. Hadith 869. Beirut: Mu’assasah al-Risālah. h. 53-54.

<sup>33</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 244.

terjadi kerana kesedihan yang mendalam dan kurang rasa sabar.<sup>34</sup> Sebab yang ketiga ialah *al-ghinā*. Kekayaan mampu mengubah manusia kepada akhlak yang hina dan sombong serta melampaui batas. Al-Māwardī menuliskan pendapat yang mengatakan bahawa “orang yang memperoleh kekayaan cenderung bersifat sombong”.<sup>35</sup>

Sebab yang keempat ialah *al-faqr* atau kemiskinan. Ianya juga boleh mengubah akhlak yang baik kepada sebaliknya. Ianya berlaku kerana merasa benci kepada kelemahan dan merasa hina atau berasa sedih dengan hilangnya kekayaan.<sup>36</sup> Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. dalam sebuah Hadith:

كاد الفقر أن يكون كفرا , وكاد الحسد أن يغلب القدر

Boleh jadi kefakiran menjerumuskan seseorang kepada kekufuran dan boleh jadi kedengkian mengalahkan takdir Allah.<sup>37</sup>

Dalam usaha untuk menghilangkan kesedihan kerana kefakiran ini, ada yang cuba untuk menghiburkan hatinya dengan angan-angan walaupun kebenaran pada angan-angan ini sangat sedikit. Sehingga ada pendapat yang disebut oleh al-Māwardī yang menyatakan bahawa hanya sedikit kebenaran yang dibuktikan oleh angan-angan walaupun kadangkala angan-angan dan khayalan itu diperlukan sebagai penghibur ketika muncul perasaan bingung serta sebagai penghibur untuk sebuah harapan yang dinantikan.<sup>38</sup>

Sebab seterusnya *al-humūm*. Rasa dukacita dan khatir menyebabkan hilang pertimbangan akal, hati yang lalai mengundang kepada jiwa yang tidak tenteram dan hati yang gusar. Ianya hanya akan menyebabkan golongan sebegini tidak bersedia menghadapi

---

<sup>34</sup> *Ibid.*.

<sup>35</sup> *Ibid.*.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 245.

<sup>37</sup> Al-Qadā'ī (1985), *op.cit.*, j.1, no. Hadith 586, h. 342-343.

<sup>38</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 245.

masalah dan selalu tidak sabar dalam menghadapi dugaan.<sup>39</sup> *Al-humūm* ini diumpamakan seperti racun.<sup>40</sup>

Rasulullah s.a.w. seringkali berdoa supaya dijauhkan dari sifat sedih dan dukacita. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ibn ‘Abbās bahawa sifat *al-humūm* atau dukacita ini dapat diubati dengan memperbanyakkan membaca “*Lā ḥawla wa lā quwwata illā billah al-‘aliyy al-‘azīm*”.<sup>41</sup>

*Al-amrād* atau penyakit merupakan sebab yang keenam yang juga mampu mengubah tabiat seseorang sebagaimana perubahan tubuh badannya. Akhlak tidak akan tetap teguh dan kadangkala tidak berdaya menahan kemungkinan dengan datangnya penyakit.<sup>42</sup> Sabar dengan kelemahan merupakan kekuatan yang dapat mempertahankan akhlak mulia dalam diri seseorang.<sup>43</sup> Manakala sebab yang ketujuh ialah usia yang lanjut memberi kesan kepada jasad serta mempengaruhi keperibadian seseorang. Sebagaimana lemahnya jasad untuk memikul beban yang berat begitu juga lemahnya jiwa untuk bersabar menghadapi kesulitan hidup, kesakitan dan kesusahan dan lain-lain sebab yang kesemuanya mampu untuk merubah akhlak seseorang.<sup>44</sup>

Secara umumnya, ketujuh-tujuh sebab inilah yang mampu mengubah seseorang kepada akhlak yang buruk. Antara sebab khusus yang mampu mengubah akhlak seseorang ialah kebencian yang muncul dalam dirinya tanpa melibatkan orang lain. Sifat benci yang ada dalam diri seseorang akan mengubah diri dan akhlaknya kerana sebab-sebab khusus yang menyimpannya. Sebagaimana akhlak yang buruk itu berpunca daripada sebab-sebab

---

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Al-Arzanjānī, Shaykh Uways Wafā (1328), *op.cit.*, h. 410.

<sup>42</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 246.

<sup>43</sup> Al-Arzanjānī (1328), *op.cit.*, h. 411.

<sup>44</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 246.

umum maka sebab khusus iaitu kebencian ini mampu mengubah akhlak yang buruk kepada akhlak yang baik dengan hilangnya sebab-sebab yang mendatang sebagaimana yang telah disebut sebelum ini.<sup>45</sup>

Sebab-sebab yang disebut oleh al-Māwardī ini merupakan sebab yang mendatang yang merupakan kebiasaan dan kadangkala suatu kemungkinan pada perubahan akhlak seseorang. Akhlak mulia yang benar-benar telah dihayati oleh mereka yang mengamalkannya tidak mungkin berubah dengan sebab-sebab di atas. Ini kerana, akhlak mulia yang bertunjangkan ilmu dan penghayatan serta keimanan kepada Allah Taala menjadikan seseorang itu sabar dalam menghadapi ujian hidup seperti kekayaan, kemiskinan, kesakitan dan usia tua.

### 3.3 *AL-ḤAYĀ'* (MALU)

*Al-ḥayā'* atau malu merupakan salah satu adab yang dikategorikan oleh al-Māwardī yang memerlukan kepada latihan dan pembaikan dalam usaha untuk menjadikannya sebagai salah satu akhlak yang perlu wujud dalam diri seorang insan. Selain itu, malu menurut al-Māwardī merupakan salah satu dari ciri kebaikan. Ini kerana, kebaikan dan keburukan mempunyai makna yang tersembunyi. Ianya tidak dapat diketahui melainkan dengan jalan dalil sebagai bukti yang menunjukkannya. Antara ciri kebaikan ialah *al-da'ah* iaitu kelembutan atau ketenangan dan *al-ḥayā'* iaitu sifat malu. Dan ciri keburukan ialah *al-qahḥah* dan *al-bazā'* iaitu sikap kasar dan keji. Adanya sifat malu mencukupi untuk

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 246.

membuktikan kebaikan dan *al-qaḥḥah* dan *al-bazā'* sudah cukup untuk membuktikan keburukan.<sup>46</sup>

Keterangan mengenai malu menurut al-Māwardī adalah merujuk kepada beberapa Hadith Rasulullah s.a.w. dan kata-kata para hukama' dan ahli balaghah yang berkaitan dengan sifat malu. Diriwayatkan daripada Ḥasan bin 'Aṭīyah daripada Abī Umāmah pernah bercerita, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

الحياء والعبي شعبتان من الايمان, والبذاء والبيان شعبتان من النفاق

Malu dan diam adalah dua cabang iman. Sedangkan perbuatan keji dan banyak bicara merupakan dua cabang kemunafikan.<sup>47</sup>

Berdasarkan Hadith yang dinyatakan menunjukkan bahawa malu adalah merupakan cabang keimanan. Ini menunjukkan bahawa sifat malu yang menghiasi diri seseorang ini merupakan suatu sifat yang mulia serta dapat menutup keaibannya.

Perkara sebaliknya yang akan berlaku jika seseorang telah hilang sifat malunya ialah ia akan melakukan apa sahaja yang dikehendaki dan disukainya kerana tiada sifat malu yang akan menghalang dan mencegah dirinya dari melakukan perbuatan yang hina dan tercela.<sup>48</sup> Hal ini merujuk kepada sebuah Hadith yang telah diriwayatkan oleh Shu'bah dari Manṣūr dari Rib'i dari Abī Mas'ūd al-Badrī. Rasulullah s.a.w. bersabda:

ان مما أدرك الناس من كلام النبوة الأولى : يا ابن آدم ! اذا لم تستحي فاصنع ما شئت

---

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 247.

<sup>47</sup> Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sūrah (1987), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, J.4. "Bāb Mā Jā'a Fī al-'Ayy", no. Hadith 2027. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.329. Abū 'Isā berkata Hadith ini *ḥasan gharīb*. *Al-'iyy* disini membawa maksud kurang bicara dan *al-bazā'* bercakap dengan kata-kata yang kurang baik, manakala *al-bayān* ialah banyak bercakap .

<sup>48</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 247.

Sesungguhnya yang diketahui oleh manusia dari sabda pertama kenabian adalah: “Hai anak Adam, apabila engkau tidak merasa malu, berbuatlah sekehendak hatimu”.<sup>49</sup>

### 3.3.1 Pembahagian Malu

Rasa malu dalam diri seseorang itu dibahagikan oleh al-Māwardī kepada tiga bahagian iaitu malu kepada Allah, malu kepada sesama manusia dan juga malu terhadap diri sendiri. Malu kepada Allah adalah dengan menjalankan semua perintah Allah dan menjauhi segala larangannya serta mencegah segala bentuk pelanggaran terhadapNya.<sup>50</sup>

Rasulullah s.a.w. bersabda:

استحيوا من الله عزوجل حق الحياء , قال :قلنا يا رسول الله انا نستحي  
والحمد لله :قال: ليس ذلك ولكن من استحي من الله حق الحياء  
فليحفظ الرأس وما حوى , وليحفظ البطن وما وعى , وليذكر الموت  
والبلى , ومن أراد الآخرة ترك زينة الدنيا, فمن فعل ذلك فقد استحيا  
من الله عزوجل حق الحياء

“Malulah kalian kepada Allah S.W.T. dengan sebenar-benar malu.” Lalu Nabi Muhammad s.a.w. ditanya: “Ya Rasulullah,

---

<sup>49</sup> Al-Bukhārī (2000), *op.cit.*, “Kitāb al-Anbiyā’”, no. Hadith 3296 dan “Kitāb Adab” no. Hadith 6120. h. 516. Di dalam kitab *al-Wāfi fī Sharḥ al-Arba‘in al-Nawāwīyah* dijelaskan bahawa terdapat tiga penjelasan dari makna hadith ini. Makna yang pertama merujuk kepada perintah yang berupa ancaman. Ianya membawa maksud seolah-olah Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa: “Jika kamu tidak mempunyai sifat malu maka lakukanlah apa yang kamu sukai kerana Allah akan membalasmu dengan balasan yang sangat dahsyat.” Ianya sebagaimana firman Allah dalam surah Fussilat (41):40. Makna kedua dalam Hadith ini iaitu khabar yang bersandarkan kepada apa yang telah disebut oleh Rasulullah: “Maka bersiaplah tempat duduknya di dalam neraka”. Ianya menggambarkan bahawa mereka yang tidak punya rasa malu dan melakukan sesuka hatinya kerana tiada rasa malu yang menegahnyanya dari melakukan keburukan. Ianya akan menjerumuskannya kepada perkara yang keji dan mungkar. Dan makna ketiga ialah *al-ibāḥah* atau dibolehkan. Ianya membawa maksud jika kamu tidak merasa malu kepada Allah dan juga manusia untuk melakukan sesuatu maka lakukanlah kerana ianya perbuatan yang harus. Ini kerana perkara yang tidak dilarang oleh syariat merupakan suatu perkara yang dibolehkan. Pendapat yang paling kuat adalah pendapat yang pertama, walau bagaimanapun Imām al-Nawāwī menguatkan makna yang ketiga sedangkan Abū ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām, Ibn Qutaybah dan Muḥammad bin Naṣr al-Marwazī memilih makna yang kedua. Lihat Muṣṭafā Dīb al-Bughā dan Muḥyī al-Dīn Mastū (2006), *al-Wāfi fī Sharḥ al-Arba‘in al-Nawāwīyah*, Damsyiq: Dār al-Muṣṭafā, h.151.

<sup>50</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 248.

bagaimana caranya kita malu kepada Allah dengan sebenar-benar rasa malu?” Maka Nabi s.a.w. menjawab: “Barangsiapa yang menjaga kepalanya dan segala yang ada di sekitarnya, perut dan segala yang dikandungnya, meninggalkan perhiasan dunia, mengingati mati dan kebinasaan dan bererti ia telah malu kepada Allah dengan sebenar-benar rasa malu”.<sup>51</sup>

Malu kepada Allah merupakan kekuatan agama dan keyakinan yang ada pada diri seseorang.<sup>52</sup> Malu kepada sesama manusia ialah dengan menahan diri dari menyakiti orang lain dan meninggalkan perbuatan buruk yang dilakukan dengan terang-terangan. Sifat malu kepada manusia ini menurut al-Māwardī merupakan kesempurnaan peribadi dan patut dipuji.<sup>53</sup> Malu kepada diri sendiri boleh ditimbulkan dengan *‘iffah* iaitu memelihara diri dan pemeliharaan *al-khalwah* . Malu kepada diri sendiri merupakan bahagian daripada kemuliaan diri (*fadīlah al-nafs*) dan kemuliaan hati (*ḥusn al-sarīrah*).<sup>54</sup>

Tahap kesempurnaan sifat malu dalam diri seseorang menurut al-Māwardī telah dicapai apabila ia memiliki ketiga-tiga bahagian malu. Ianya membawa maksud bahawa telah sempurna sebab-sebab timbulnya kebaikan dalam diri seseorang yang memiliki sifat malu beserta hilangnya sebab-sebab keburukan dan ianya akan menjadikan orang yang memiliki sifat malu ini terkenal dengan kebaikan dan kemuliaannya.<sup>55</sup> Jika keadaan sebaliknya berlaku iaitu seseorang lalai dari salah satu sifat malu tersebut, maka ia akan menemui kekurangan hidup akibat kelalaian tersebut sebagaimana ia akan menemui kemuliaan hidup kerana kemampuannya dalam memperoleh kesempurnaan mempunyai ketiga-tiga sifat malu tersebut.<sup>56</sup>

---

<sup>51</sup> Ibn Ḥanbal, Aḥmad bin Muḥammad (1995), *al-Musnad*, j.3. no. Hadith 3671. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 538-539

<sup>52</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 249.

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 250.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 251.



### **3.4 AL-ḤILM (MENAHAN DIRI KETIKA MARAH) WA AL-GHAḌAB (MARAHA)**

Sifat *al-ḥilm* dan *al-ghaḍab* merupakan dua sifat yang mempunyai perkaitan diantara satu sama lain. Ini kerana, *al-ghaḍab* atau marah merupakan sifat yang harus dikawal dengan mewujudkan sifat *al-ḥilm* atau menahan diri ketika marah di dalam diri.

#### **3.4.1 Al-ḥilm (Menahan Diri Ketika Marah)**

*Al-ḥilm* merupakan akhlak yang sangat mulia dan terpuji dan orang yang berakal seharusnya mempunyai sifat *al-ḥilm*. Ianya akan menjadikan orang yang berakhlak dengannya dalam keadaan selamat dan mulia selain memberi ketenangan pada jasad selain menghadirkan pujian.<sup>57</sup>

Had sifat *al-ḥilm* ialah menguasai dan memelihara diri ketika kemarahan. Di samping itu, menurut al-Māwardī, sifat *al-ḥilm* ini mempunyai motivasi dan sebab yang dapat menimbulkannya. Justeru, beliau telah membahagikan sepuluh sebab wujudnya *al-ḥilm* dalam diri seseorang individu.<sup>58</sup> Sebab yang pertama ialah kasih sayang terhadap orang-orang yang jahil. Hal ini merupakan suatu kebaikan yang melahirkan sifat *al-ḥilm* serta salah satu sebab yang paling dominan membangkitkan sifat *al-ḥilm*. Kedua ialah kemampuan dan keupayaan memberi pertolongan yang lahir kerana sikap berlapang dada dan percaya pada kebaikan. Sebab yang ketiga ialah menjauhi celaan. Hal ini lahir dari kemuliaan hati dan ketinggian cita-cita. Al-Māwardī mengukuhkan sebab ini dengan menyatakan kata sebahagian hukama' iaitu jiwa yang mulia mampu memikul kebencian seperti kemampuan memikul kemuliaan.

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 252.

<sup>58</sup> *Ibid.*.

Sebab yang keempat menurut al-Māwardī ialah suka merendahkan orang yang melakukan kesalahan. Keadaan sebegini timbul kerana adanya sifat sombong dan bangga diri. Kelima ialah malu untuk membantah suatu jawapan. Keadaan ini merupakan pemeliharaan (*ṣiyānah*) perisai diri dan menimbulkan kesempurnaan peribadi. Berdasarkan kata-kata yang dinukilkan oleh al-Māwardī berkenaan sebab ini, dapat difahami bahawa kesabaran dan kemaafan kepada orang yang jahil adalah lebih baik serta orang yang bersifat *al-hilm* tidak akan mengeluarkan perkataan yang keji.<sup>59</sup>

Sebab yang keenam iaitu mengutamakan orang yang mencela. Ianya merupakan sebahagian daripada kemuliaan dan suka kepada penyatuan. Sebagaimana kisah al-Aḥnāf bin Qays yang menyatakan tentang sikapnya apabila dimusuhi dengan tiga keadaan. Apabila kedudukan orang yang memusuhinya lebih tinggi darinya, al-Aḥnāf akan mengingatkannya tentang kedudukannya yang lebih tinggi. Jika keadaan orang yang memusuhinya lebih rendah, maka akan diberi peringatan tentang kedudukan orang tersebut. Sebaliknya jika kedudukannya sama, al-Aḥnāf akan memuliakannya dan menjadikannya sebagai teman.<sup>60</sup>

Ketujuh ialah menahan diri untuk tidak mencela dan malah menjauhkan diri dari kebiasaan mencela. Ianya boleh dilakukan dengan kemahuan yang tinggi.<sup>61</sup> Ianya merupakan salah satu sebab yang mampu mendorong seseorang bersifat dengan *al-hilm*. Ini kerana menahan diri dari mencela akan terjadi apabila diri dicela. Jika tiada sifat *al-hilm*, kemungkinan yang akan berlaku ialah ia akan membalas celaan orang yang mencelanya. Manakala sebab kelapan iaitu takut pada akibat terhadap suatu jawapan yang diberikan.

---

<sup>59</sup> *Ibid.*,h.253. Para hukama' menyatakan, "kesabaran terhadap orang bodoh lebih baik daripada memperlihatkan kekagumannya melalui raut wajah dan memaafkan orang bodoh adalah lebih baik dari mengimbanginya". Sebahagian ahli adab menyatakan, "Orang yang sabar tidak akan mengeluarkan perkataan yang keji dan orang yang mulia tidak akan melakukan kebiadaban".

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 254.

<sup>61</sup> *Ibid.*.

Ianya terjadi kerana kelemahan jiwa. Meskipun orang yang berakal telah menentangnya, dan orang yang memiliki hati yang teguh telah membantahnya.

Sebab kesembilan yang dapat menimbulkan sifat *al-ḥilm* ialah memelihara kebaikan yang pernah dilakukan suatu ketika dahulu oleh orang lain. Ianya akan menzahirkan rasa hormat, membalas jasa yang telah dilakukan dan menjanjikan suatu yang terbaik kepadanya.<sup>62</sup> Sebab ini akan melahirkan sifat *al-ḥilm* dalam diri kerana kebaikan yang pernah dilakukan oleh individu tersebut. Kesepuluh ialah kelicikan dan memanfaatkan kesempatan yang tersembunyi yang bersumber dari kecerdasan dan ketajaman berfikir. Orang yang menzahirkan kemarahan sebenarnya merupakan orang yang kurang penelitian.<sup>63</sup> Sebab kesepuluh ini dapat mendorong supaya bersifat *al-ḥilm* kerana seseorang harus berfikir secara rasional sebelum menzahirkan kemarahan.

Sepuluh sebab yang telah disebutkan oleh al-Māwardī menyeru kepada sifat *al-ḥilm*. Ada sebahagian sebab yang lebih utama dari sebahagian yang lain. Keutamaan yang wujud di antara satu sebab dengan sebab yang lain bukan membawa erti kesabaran yang dihasilkan itu tercela,<sup>64</sup> akan tetapi kesabaran yang dapat dihasilkan daripada sebab-sebab tersebut yang dapat membawa seseorang bersifat dengan *al-ḥilm*. Ini kerana, jika sebab-sebab tersebut tidak berlaku, *al-ḥilm* tidak akan terhasil, malah sebaliknya kehinaan yang akan muncul akibat kemarahan. Sebagaimana yang telah disebut di dalam had atau batasan *al-ḥilm* iaitu menahan diri ketika kemarahan memuncak. Tanda kerendahan jiwa seseorang

---

<sup>62</sup> Kesimpulan ini adalah berdasarkan apa yang telah disebut di dalam *Manthur al-Hikam* iaitu “karakter yang paling mulia mampu mencegah kehinaan.”

<sup>63</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 255.

<sup>64</sup> Lihat sebab yang keempat dan kelapan yang mampu menimbulkan *al-ḥilm*.

ialah apabila tidak wujud rasa marah apabila mendengarkan sesuatu yang dapat menimbulkan kemarahan.<sup>65</sup>

Al-Māwardī juga menyatakan bahawa orang yang tidak marah apabila berlaku sesuatu perkara yang boleh menimbulkan kemarahannya, maka tidak terdapat pada dirinya keutamaan jiwa seperti *al-shajā'ah* (keberanian), *al-anfah* (harga diri), *al-ḥamiyyah* (perasaan optimis), *al-ghīrah*, *al-difā'* (pertahanan diri), dan *al-akhdh bi al-tha'r* (menuntut balas) kerana ianya merupakan hal-hal yang lahir dari kemarahan.<sup>66</sup>

Ketiadaan hal-hal ini mengakibatkan seseorang itu hina dan tidak mempunyai kemuliaan. Walau bagaimanapun, menurut al-Māwardī lagi, menuruti kemarahan akan menimbulkan pelbagai kehinaan jika dibandingkan dengan hilangnya unsur-unsur keutamaan jiwa tersebut. Apabila seseorang itu merasa marah, ia perlu mengawalinya dengan meneguhkan hati sebagai benteng serta menghilangkannya dengan *al-ḥilm* dan mengalihkannya kepada hal-hal lain kerana orang yang melakukan kejahatan tidak akan pernah merasa puas sebagaimana orang yang baik yang melaksanakan kebaikan juga tidak merasa puas dan cukup dengan kebaikan yang dilakukannya.<sup>67</sup>

Al-Māwardī juga berpendapat, seseorang perlu memanfaatkan dan mengarahkan kemarahannya kepada hal-hal yang mulia dan menghindari diri dari hal yang

---

<sup>65</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 255 & 256.

<sup>66</sup> *Ibid.*, h.256.

<sup>67</sup> *Ibid.*.

menghinakannya.<sup>68</sup> Seseorang perlu mempunyai sifat *al-ḥilm* untuk mengawal perkara yang menimbulkan kemarahan.<sup>69</sup>

Jika seseorang tidak memiliki sifat *al-ḥilm* dan lebih tunduk kepada kemarahan, maka ianya akan mewujudkan beberapa kesan negatif ke atas dirinya. Antaranya ialah kebenaran akan terhalang darinya, fikirannya akan merasa lemah untuk meneliti sebab-sebab yang mendorong timbulnya kemarahan malah akan menyebabkan fikirannya menjadi bingung dan kabur. Selain itu, hujah yang dikemukakannya tidak logik dan mudah dicantas serta dirampas kemuliaan dirinya.<sup>70</sup> Hal ini berlaku kerana sifat marah ini pengakhirannya ialah penyesalan.<sup>71</sup> Kesannya juga siasatannya mengalami kebuntuan. Jika kesan ini telah meresap ke dalam jiwa dan jasad seseorang maka ianya lebih mudarat dari sifat marah itu sendiri.<sup>72</sup>

Kesan yang akan diperolehi oleh seseorang yang memiliki keteguhan hati untuk menghadapi kekuatan kemarahannya dengan *al-ḥilm* sehingga dapat menjauhinya (*al-ghaḍab*) dan menjauhi kebiasaannya yang buruk sehingga dapat meninggalkan *al-ghaḍab* ialah dapat membebaskan diri dari kebingungan dan memperoleh kebahagiaan dengan hasil yang terpuji.<sup>73</sup>

---

<sup>68</sup> Perkara yang menghinakannya disini bermaksud marah kepada *al-juhhāl* atau orang yang jahil kerana golongan ini perlu dihadapi dengan *al-ḥilm* jika ingin mengubah mereka malah memerlukan kesabaran dan keazaman. Ini adalah berdasarkan sebuah syair yang menyatakan tentang sifat *al-ḥilm* dan *al-ghaḍab*. Di dalam syair ini menyebut bahawa untuk menghadapi orang yang jahil memerlukan kesabaran dan untuk menolong mereka memerlukan kepada kesabaran dan keazaman. Lihat *Ibid.*, h. 256 & 257.

<sup>69</sup> *Ibid.*, h. 257.

<sup>70</sup> *Ibid.*.

<sup>71</sup> Al-Arzanjānī (1328), *op.cit.*, h. 425.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 426.

<sup>73</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 257.

### 3.4.2 *Al-ghaḍab* (Marah)

Selain perbincangan *al-ghaḍab* yang dikaitkan dengan *al-ḥilm*, al-Māwardī turut mendatangkan perbezaan antara *al-ghaḍab* dengan *al-ḥuzn*. Perbezaan antara keduanya dibahagikan dari segi sebab, permulaan dan kesan yang dialami akibat dari *al-ghaḍab* dan *al-ḥuzn*.

*Al-ghaḍab* atau kemarahan adalah disebabkan oleh hati yang tersinggung atas suatu perbuatan yang dilakukan oleh orang yang kedudukannya lebih rendah darinya. Berbeza keadaannya dengan *al-ḥuzn* iaitu kesedihan kerana penyebabnya ialah hati yang tersinggung kerana perbuatan orang yang lebih tinggi kedudukannya.<sup>74</sup>

Kemarahan bergerak bermula dari dalam jasad dan muncul ke luar.<sup>75</sup> Ini kerana, hati yang disentuh oleh rasa marah akan menyebabkan pelakunya memarahi seseorang boleh dilihat sama ada dengan perkataannya atau perbuatannya. Manakala kesedihan bergerak dari luar jasad ke dalam.<sup>76</sup> Rasa sakit hati dan kesedihan ini akan menjadikan seseorang memendam apa yang dirasainya.

Oleh itu, kesan dari kesedihan boleh membawa kepada kematian kepada penderitanya tetapi tidak perasaan marah kerana perasaan marah dan kebencian itu terzahir tetapi tidak kesedihan dan kesakitan hati kerana ianya tersembunyi dan terpendam. Apa yang akan terjadi dan timbul dari kemarahan ialah dendam dan pembalasan kerana sifatnya yang terzahir tetapi kesedihan menyebabkan kesakitan kerana sifatnya yang terpendam dan inilah penyebab dekatnya kesedihan membawa kepada kematian.<sup>77</sup>

---

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 258.

<sup>75</sup> *Ibid.*.

<sup>76</sup> *Ibid.*.

<sup>77</sup> *Ibid.*.

Jelas di sini bahawa kesedihan lebih bahaya dari kemarahan kerana kesannya lebih mendalam. Walau bagaimanapun kedua-duanya haruslah di jauhi supaya tiada penyesalan yang lahir akibat dari kemarahan. Malah tiada kesakitan yang teramat akibat dari kesedihan yang membawa kepada pengakhiran yang buruk.

### 3.4.2.1 Cara Menghadapi Kemarahan

Dalam usaha untuk menghadapi dan meredakan kemarahan serta mendorong supaya bersifat dengan *al-hilm*, al-Māwardī menyatakan lima cara yang boleh diamalkan.

Cara pertama ialah dengan zikrullah iaitu mengingati Allah. Ianya akan melahirkan sifat *al-khawf* iaitu takut pada Allah. Sifat *al-khawf* ini akan menimbulkan ketaatan kepada Allah. Ia seterusnya mengembalikan seseorang kepada melaksanakan adab dan sekaligus mengikuti setiap perintah Allah. Jika seseorang melakukannya maka ia akan dapat meredakan kemarahannya.

Allah S.W.T. telah berfirman:

إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ<sup>ع</sup> وَأَذْكُرْ رَبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ عَسَى أَنْ يَهْدِيَنِّي رَبِّي  
لِأَقْرَبَ مِنْ هَذَا رَشَدًا ﴿٢٤﴾

Melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata): "Insya Allah". Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa, dan katakanlah: "Mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan petunjuk yang lebih dekat dan lebih terang dari ini".<sup>78</sup>

Surah al-Kahf (18):24

---

<sup>78</sup> Menurut 'Ikrimah, "Dan ingatlah kepada Tuhanmu jika kamu lupa" membawa maksud ingat kepada Allah jika kamu marah. Lihat *ibid.*, h. 258.

Selain itu Allah berfirman lagi:

وَأِمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ إِنَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, Maka mintalah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat mendengar lagi amat Mengetahui.<sup>79</sup>

Surah al-A'raf (7):200

Cara kedua untuk meredakan kemarahan ialah beralih dari keadaan ketika mana ia berada kepada keadaan lain. Khalifah al-Ma'mūn biasa melakukan cara ini ketika beliau marah.<sup>80</sup> Cara ketiga ialah dengan mengingati penyesalan yang diakibatkan oleh kemarahan dan keburukan sifat dendam.<sup>81</sup> Sebagaimana yang telah disebut oleh al-Māwardī mengenai kesan dari kemarahan yang akan menimbulkan penyesalan di akhirnya.

Cara keempat yang dapat meredakan kemarahan ialah mengingati pahala memberi maaf dan kebaikan perdamaian. Cara ini dapat memaksa seseorang meninggalkan serta menjauhi kemarahan. Ini kerana ia lebih menyukai pahala dan kurniaan Allah serta sentiasa bersikap waspada dan menghindarkan diri dari celaan dan seksaan.<sup>82</sup> Ianya merupakan hasil yang dapat diperolehi dari meninggalkan kemarahan. Cara kelima ialah mengingatkan hati dan mendorong jiwa untuk selalu memberikan maaf. Dan seseorang itu tidak perlu mengabaikan kemaafan hanya kerana orang lain menjauhi dan menghindari perbuatan maaf tersebut. Cukup dengannya menjauhi kemarahan dan mencintai kelembutan dan pujian yang baik.

---

<sup>79</sup> Al-Māwardī menyebut bahawa pengertian dari perkataan “*yanzaghannaka*” iaitu jika kamu ditimpa suatu godaan ialah “*yaghḍabnaka*” iaitu jika kamu ditimpa kemarahan maka berlindunglah kepada Allah. “*Innahu samī'un 'alīm*” sesungguhnya Allah maha mendengar akan kejahatan orang yang jahil dan mengetahui hilangnya kemarahan dari dirimu. Lihat *ibid.*

<sup>80</sup> *Ibid.*, h. 259.

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> *Ibid.*



Kelima-lima cara ini merupakan antara anjuran dan saranan yang dinyatakan oleh al-Māwardī yang boleh diambil sebagai pedoman untuk menghiasi diri dengan sifat *al-ḥilm* serta menjauhi atau meredakan kemarahan. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh beliau di dalam kebanyakan penerangan adalah keteguhan hati merupakan sesuatu yang dapat mendorong kepada sifat *al-ḥilm*. Orang yang berakhlak mulia akan bersifat dengan *al-ḥilm* kerana kebaikan sifat ini yang menghasilkan natijah yang baik, dan bukan sebaliknya bagi sifat marah yang hanya akan menimbulkan penyesalan di akhirnya dan merendahkan martabat seseorang.

### **3.5 AL-ṢIDQ (BENAR) WA AL-KADHB (DUSTA ATAU BOHONG)**

Al-Māwardī menyebut bahawa *al-ṣidq* (benar) dan *al-kadhb* (dusta atau bohong), kedua-duanya adalah berkaitan dengan khabar pada masa yang telah berlalu. Ianya berbeza dengan *al-wafā'* iaitu pemenuhan dan *al-khulf* iaitu pengingkaran yang berkaitan dengan perjanjian yang melibatkan masa akan datang.<sup>83</sup>

#### **3.5.1 Al-Ṣidq ( Benar)**

*Al-Ṣidq* diterangkan oleh al-Māwardī sebagai berita atau perkhabaran tentang sesuatu yang sesuai dengan kenyataannya. Ianya mempunyai faktor pendorong yang bersifat pasti dan tetap serta diwajibkan oleh akal malah dikuatkan lagi dengan syariat. Oleh itu, adalah dibenarkan untuk menyampaikan suatu berita atau perkara yang benar yang mencapai darjat mutawatir.<sup>84</sup>

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 262.

<sup>84</sup> *Ibid.*.

Berkenaan dengan faktor yang mendorong suatu kebenaran, ianya dibolehkan apabila wujudnya kesepakatan dalam jumlah yang besar sehingga tidak boleh dinafikan serta kebenarannya diyakini. Selain daripada itu, ianya turut didorong oleh manfaat dan memungkinkan terjadinya kesepakatan.<sup>85</sup> Kebenaran mempunyai faktor pendorong yang dibahagikan oleh al-Māwardī kepada empat faktor iaitu *al-'aql*, *al-dīn*, *al-murū'ah* dan *ḥubb al-ṣanā' wa al-ishtihar bi al-ṣidq*.

Faktor pertama ialah *al-'aql* atau akal. Akal mampu menilai keburukan dari pendustaan apatah lagi jika perkara tersebut tidak mendatangkan manfaat dan mendatangkan mudarat. Akal menyeru kepada perbuatan yang mengandungi kebaikan dan melarang kepada perkara yang mendatangkan keburukan.<sup>86</sup> Akal juga mengetahui hakikat tentang suatu perkara dan mampu untuk memisahkan antara kebaikan dan keburukan.<sup>87</sup>

Faktor pendorong kedua ialah *al-dīn* atau agama. Agama merupakan pendorong kepada seseorang untuk mengikuti kebenaran dan menjauhi pendustaan. Ini kerana syariat tidak membolehkan seseorang melakukan suatu perbuatan yang boleh merendahkan akal.<sup>88</sup> Bahkan syariat telah menetapkan sesuatu ketetapan yang lebih tegas daripada ketetapan yang telah ditetapkan oleh akal dalam hal berkaitan keharusan menjauhi pendustaan. Ini kerana syariat berfungsi menjauhkan pendustaan atau menghindari kemudharatan sehingga dapat menjalankan sesuatu yang bermanfaat. Sedangkan akal berfungsi hanya untuk

---

<sup>85</sup> *Ibid.*.

<sup>86</sup> *Ibid.*.

<sup>87</sup> *Ibid.*, h. 18.

<sup>88</sup> Al-Māwardī telah memberi penjelasan mengenai perkaitan akal dan syarak dengan membahagikannya kepada dua iaitu, pertama apa yang diwajibkan akal diperkuatkan oleh syarak. Kedua apa yang diharuskan oleh akal ialah yang diwajibkan oleh syarak dan akal berfungsi sebagai pengukur. Lihat *Ibid.*, h. 17.

menjauhkan sesuatu yang tidak bermanfaat dan tidak mampu menolak sesuatu yang memudharatkan.<sup>89</sup>

*Al-murū'ah* atau harga diri/maruah merupakan faktor pendorong yang ketiga. Ia mencegah pendustaan, serta mendorong kepada kebenaran. Ini kerana ianya dapat mencegah diri dari melakukan perkara yang dibenci bahkan menghalang diri dari melakukan perbuatan yang tercela. Faktor keempat ialah *ḥubb al-ṣanā' wa al-ishtihar bi al-ṣidq* atau mencintai pujian dan cenderung kepada kebenaran. Dengan sikap ini, tidak akan ada perkataan yang keluar melainkan dalam lingkungan kejujuran dan tiada penyesalan yang akan menurutinya.<sup>90</sup>

Keempat-empat faktor pendorong kebenaran yang disebut oleh al-Māwardī ini mendorong seseorang supaya sentiasa bercakap benar kerana kelebihan akal dan kekuatan agama yang dimiliki yang mampu melahirkan harga diri yang tinggi untuk menjauhi pendustaan.

### 3.5.1.1 Kebenaran Yang Tercela

*Al-ghībah*, *al-namīmah* dan *al-si'āyah* merupakan kebenaran yang termasuk di dalam kategori pendustaan oleh al-Māwardī dari segi keburukan, keaiban serta celaan, malah keburukan yang ditimbulkannya.

*Al-Ghībah* ialah pengkhianatan dan pendedahan keaiban orang lain yang terjadi kerana hasad dan khianat.<sup>91</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t mengenai *al-ghībah*:

---

<sup>89</sup> *Ibid.*, h. 263.

<sup>90</sup> *Ibid.*.

<sup>91</sup> *Ibid.*, h. 266.

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا  
 تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَن تُحِبُّوا أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ  
 أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka dari sangkaan yang di larang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa. dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan dan keaiban orang, dan janganlah setengah kamu mengumpat akan setengahnya yang lain. Sukakah seseorang daripada kamu memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat). Maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi amat mengasihani.

Surah al-Hujurat (49):12

Dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan daripada al-‘Alā‘ bin ‘Abdul Raḥmān, dari ayahnya, dari Abū Hurayrah r.a. berkata:

سئل عن الغيبة فقال: أن تقول لأخيك ما يكره, وإن كنت صادقاً فقد اغتبتته, وإن كنت كاذباً فقد بهته

Nabi s.a.w. pernah ditanya mengenai *al-ghībah*, maka Baginda menjawab: “(Yang dimaksudkan dengan *al-ghībah* itu) adalah menceritakan sesuatu (keburukan) yang ada pada saudaramu. Seandainya apa yang diceritakan itu benar, bererti kau telah mengumpatnya dan seandainya apa yang kau ceritakan itu bohong, bererti kau telah melakukan suatu kebohongan.<sup>92</sup>

Orang yang mengumpat selalunya memberi alasan bahawa ia mengatakan sesuatu yang benar dan memberitahu sesuatu kefasikan secara terang-terangan dengan menyandarkan perbuatannya kepada sebuah hadith Nabi s.a.w.:

<sup>92</sup> Ibn al-Tamīmī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthannī (1987), *Musnad Abī Ya‘lā al-Māwṣilī*, j. 11. “Tabī‘ Musnad Abī Hurayrah r.a.”, no. Hadith 6528, Beirut: Dār al-Mā‘mūn li al-Turāth, h. 405.

ثلاثة ليست لهم غيبة الإمام الجائر والفاسق المعلن بفسقه والمبتدع الذي  
يدعو الناس إلى بدعته

Tiga golongan yang jika diumpat tentang mereka tidak dipanggil sebagai *ghibah* iaitu imam yang zalim, orang yang mengumumkan kefasikannya dan ahli bid'ah yang menyeru kepada perkara bid'ah.<sup>93</sup>

Ketiga-tiga golongan yang disebut di dalam Hadith ini telah menyimpang jauh dari kebenaran dan adab. Ini kerana jika apa yang diumpatnya itu benar, bermaksud ia telah menyingkap tabir yang sememangnya harus diungkap. Ianya mengheret orang yang membicarakan itu kepada menyatakan apa yang ditutupi dan menzahirkan sesuatu yang disembunyikan. Hal ini tidak mendatangkan faedah bagi orang yang mengumpat selain hanya merosakkan akhlaknya dan tidak memberikan manfaat sedikit pun untuk orang lain.<sup>94</sup>

Walau bagaimanapun, suatu berita yang bertujuan untuk menolak perbuatan yang mungkar tidak dianggap sebagai *ghibah* kerana ianya akan menghentikan kemungkaran tersebut. Malah terdapat perbezaan antara kemungkaran yang dilakukan secara terang-terangan dan umpatan yang dilakukan secara sembunyi.<sup>95</sup>

*Al-namimah* atau fitnah dikategorikan oleh al-Māwardī sebagai salah satu kebenaran yang termasuk di dalam pendustaan. Ianya mengumpulkan kejahatan *al-ghibah* pada keburukan dan kekejian sifat ini. Ianya merupakan permulaan perpecahan bagi dua orang yang menjalin hubungan, awal permusuhan dua orang yang akrab juga permulaan kebencian antara dua orang yang saling menyayangi.<sup>96</sup>

---

<sup>93</sup> Al-Bayhaqī, Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusīn (1410), *Sya'b al-Īmān*, no hadith 6792, j.5. Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h.318.

<sup>94</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 266 & 267 .

<sup>95</sup> *Ibid.*, h. 267.

<sup>96</sup> *Ibid.*.

Keburukan yang ketiga ialah *al-si'āyah* yang menghimpunkan keburukan *al-ghībah* dan kecelaan *al-namīmah* sehingga menimbulkan penyelewengan pada jiwa dan juga harta. Dan mendatangkan keaiban dan keburukan pada kedudukan dan status.

### 3.5.2 *Al-Kadhb* (Dusta Atau Bohong)

*Al-kadhb* atau dusta merupakan muara segala kejahatan dan sumber setiap keburukan malah natijahnya adalah keburukan kerana ianya menghasilkan *al-namīmah*. Al-Māwardī mengaitkannya dengan *al-namīmah* kerana ianya menghasilkan kebencian, dan rentetan dari kebencian adalah permulaan kepada permusuhan dan tidak terdapat keamanan dan kedamaian dalam permusuhan.<sup>97</sup>

Pendustaan merupakan berita tentang sesuatu yang tidak sesuai dengan kenyataannya. Faktor pendorong bagi pendustaan bersifat mendatang yang mana ianya dilarang oleh akal dan ditentang oleh syariat. Oleh itu, menyebarkan suatu berita yang dusta adalah tidak dibenarkan. Faktor pendorong bagi kebenaran dan pendustaan ialah dari kesepakatan manusia dan sebab pendorong suatu pendustaan tidak mendatangkan manfaat dan boleh mendatangkan kemudharatan sehingga dianggap suatu yang mustahil apabila suatu pendustaan itu disepakati. Ini kerana kesepakatan pada perkara yang dusta adalah suatu yang dilarang.<sup>98</sup>

Sebagaimana kebenaran yang mempunyai faktor pendorong, al-Māwardī turut menyatakan empat faktor yang mendorong kepada berlakunya pendustaan.<sup>99</sup> Faktor pendorong yang pertama ialah mendatangkan manfaat dan menolak keburukan. Sikap ini menyebabkan orang yang berdusta berpandangan bahawa seandainya dengan pendustaan

---

<sup>97</sup> *Ibid.*, h. 261.

<sup>98</sup> *Ibid.*, h. 262.

<sup>99</sup> *Ibid.*.

itu akan menyelamatkan dan menguntungkannya, maka dia tidak akan malu untuk melakukannya. Walaupun pada hakikatnya, pendustaan yang dilakukannya hanya akan menjauhkannya dari sesuatu yang diinginkannya dan lebih mendekatkannya kepada sesuatu yang ditakutinya. Ini kerana kejahatan tidak akan berubah menjadi kebaikan dan kehinaan tidak akan berubah menjadi kemuliaan.<sup>100</sup>

Faktor kedua yang mendorong kepada pendustaan ialah banyak berbicara dan ianya dihiasi dengan pendustaan sehingga tidak dijumpai kebenaran dalam kata-katanya. Ia menghiasi kebenaran dengan pendustaan. Keadaan ini lebih buruk dari yang pertama kerana ianya berpunca dari kehinaan nafsu dan kerendahan cita-cita.<sup>101</sup> Faktor seterusnya ialah pendustaan dilakukan bertujuan untuk membalas dendam kepada musuhnya. Tipu muslihat dan keburukan yang didatangkan kepada musuhnya dilihat oleh si pendusta sebagai sesuatu yang menguntungkannya. Walau bagaimanapun sebenarnya merupakan anak panah dan racun yang akan membinasakan dirinya. Keadaan ini jauh lebih keji berbanding dua faktor pendustaan sebelum ini kerana ianya mengumpulkan pendustaan yang hina serta kekejian yang memudharatkan. Dalam hal ini, syariat menolak kesaksian seorang musuh terhadap musuhnya.<sup>102</sup>

Faktor keempat yang mendorong timbulnya pendustaan adalah kerana kebiasaan seseorang sehingga ia menjadi suatu perkara yang biasa dilakukan dan mendorongnya

---

<sup>100</sup> *Ibid.*, h. 263.

<sup>101</sup> *Ibid.*, h. 264.

<sup>102</sup> *Ibid.*, h. 253. Dalam hal mengenai kesaksian, syarat-syarat untuk menjadi saksi di dalam Islam antaranya ialah orang yang mukallaf, Islam, merdeka, bermaruah, adil, tiada tohmahan ke atas dirinya dan tidak menjadi musuh terhadap orang yang didakwa. Syarat terakhir ini adalah berdasarkan sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar (r.a.) yang mana Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak harus dijadikan saksi orang yang khianat, lelaki atau perempuan. Dan tidak harus juga dijadikan saksi orang yang berdendam dalam hatinya (dengki) terhadap saudaranya. Dan tidak harus pula orang yang tinggal dalam satu rumah bagi orang yang serumah dengan dia.” (Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dan Abū Dāwūd. Lihat Haji Sa’id Haji Ibrahim (1996), *Qanun Jinayah Syar’iyah*. Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah. h. 271-274.

melakukan pendustaan. Oleh kerana itu, untuk meninggalkan pendustaan ini adalah sukar bagi dirinya kerana seolah-olah ia telah menjadi watak kedua bagi dirinya. Ianya sebagaimana yang disebut di dalam *Manthūr al-Ḥikam* bahawa pendustaan yang dibiasakan nescaya akan mendominasi diri pendusta tersebut.<sup>103</sup>

### 3.5.2.1 Tanda-Tanda Dusta Menurut al-Māwardī

Seseorang yang berdusta mempunyai beberapa tanda yang dapat membuktikan apa yang dinyatakan merupakan suatu pendustaan. Al-Māwardī membahagikannya kepada empat tanda.<sup>104</sup> Tanda yang pertama ialah jika diminta penjelasan mengenai ungkapan yang dikemukakan olehnya, ia tidak akan mampu menjelaskannya. Tanda kedua untuk mengenali pendusta ialah orang lain akan merasa ragu dengannya, sehingga jikalau ia mengulangi kembali perkataannya akan tetap menimbulkan keraguan. Tanda yang ketiga apabila diminta mengulangi perkataannya, bicaranya akan gagap serta dalam nada kebimbangan dan kegelisahan dan tidak terdapat di sisinya pertolongan yang dihajati dan tidak ada dalil yang benar dari apa yang didatangkannya. Manakala tanda keempat ialah orang yang berdusta selalu menampakkan keraguan dan kegelisahan. Ini adalah kerana manusia tidak mungkin dapat mempertahankan dirinya. Ini kerana sifat dusta mempengaruhi tabiatnya. Ianya sebagaimana kata para hukama' bahawa kedua mata lebih jelas dari lidahnya atau perkataannya. Sebahagian ahli balaghah juga berpendapat bahawa muka adalah cerminan rahsia yang terkandung di dalam hati.<sup>105</sup>

Al-Māwardī menyatakan bahawa seandainya sifat dusta sudah sebatu dalam diri seseorang individu dan dinisbahkan kepadanya, maka segala pendustaan yang tidak

---

<sup>103</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 264.

<sup>104</sup> *Ibid.*.

<sup>105</sup> *Ibid.*, h. 265.



diketahui tentang sumbernya akan dituduh kepadanya dan segala perbuatan yang dilakukan oleh orang yang berdusta akan ditandai dengan pendustaan. Keaiban dari pendustaan yang dilakukannya itu akan berkumpul di atas dirinya dan kemudharatan akan dirasakan olehnya akibat dari perbuatannya.

Seandainya ia menyatakan suatu kebenaran, maka kebenaran itu sendiri akan dianggap sebagai suatu pendustaan. Sekalipun ia mengakui telah menjauhi pendustaan, ianya masih dianggap sebagai pengakuan yang dusta.<sup>106</sup>

### 3.5.2.2 Pendustaan Yang Dibenarkan

Di dalam penerangan al-Māwardī mengenai pendustaan, beliau menyatakan terdapat rukhsah atau keringanan di dalam pendustaan. Menurutny, sunnah memberi rukhsah dalam melakukan pendustaan dalam peperangan dan dalam mencipta perdamaian dengan orang yang sedang bermusuhan. Hal ini melalui proses *al-tawriyah* iaitu suatu ungkapan yang melahirkan sesuatu yang di luar apa yang dimaksudkan atau melalui proses *al-ta'wīl* tanpa *al-tasriḥ* iaitu pernyataan, pengisytiharan atau pengumuman padanya. Sebenarnya sunnah tidak membolehkan pendustaan kerana di dalamnya terdapat pengaburan makna atau *al-tanfīr*, tetapi ianya mestilah dilakukan melalui proses *al-tawriyah* dan *al-ta'wīd* iaitu perluasan makna.

Beberapa kisah dijadikan sebagai contoh oleh al-Māwardī di dalam rukhsah ini. Antaranya sebuah kisah yang mana Nabi s.a.w. pernah ditanya ketika beliau menyendiri dari para sahabatnya. Kemudian ada seorang lelaki bertanya kepadanya: “Engkau dari kabilah mana?” Baginda menjawab: “Dari kabilah *al-mā'* (air)”. Baginda menyembunyikan asal-usul keturunannya dengan sesuatu yang mengandungi kemungkinan lain sehingga

---

<sup>106</sup> *Ibid.*.

orang yang bertanya mungkin menyangka Baginda berasal dari suatu kabilah. Padahal yang dimaksudkan oleh Baginda berasal dari *al-mā'* iaitu air mani, di mana manusia diciptakan. Dengan demikian Baginda berhasil menyembunyikan asal-usul kabilahnya dan berita yang disampaikan juga adalah benar.<sup>107</sup>

Al-Māwardī turut memetik peristiwa yang berlaku ketika peristiwa penghijrahan melalui riwayat Abū Bakr al-Ṣiddiq r.a. bahawa ketika saat berhijrah, beliau berjalan di belakang Nabi s.a.w. lalu keduanya bertembung dengan orang Arab lain di mana mereka mengenali Abū Bakr tetapi tidak mengenali Nabi s.a.w. Lalu mereka bertanya kepada Abū Bakr, siapakah yang bersama-samanya itu? lantas Abū Bakr menjawab bahawa rakannya itu adalah seorang “penunjuk jalan”. Mereka memahami bahawa “penunjuk jalan” itu adalah penunjuk arah dalam perjalanan supaya tidak tersesat. Padahal yang dimaksudkan oleh Abū Bakr ialah “penunjuk jalan kebenaran”. Dengan cara ini, ungkapan itu adalah benar tetapi maksudnya tersembunyi.<sup>108</sup>

### **3.6 AL-ḤASAD (DENGKI) WA AL-MUNĀFASAH (PERSAINGAN)**

*Al-ḥasad* atau dengki ini pada pandangan al-Māwardī merupakan akhlak yang tercela serta mendatangkan mudharat malah ianya turut menimbulkan kerosakan pada agama. Oleh kerana kemudharatan yang dibawa oleh sifat ini, Allah S.W.T. memerintahkan para hambaNya supaya berlindung dari kejahatan sifat dengki ini dan juga melarang hamba-hambaNya dari bersifat dengki.<sup>109</sup> Ia sebagaimana firman Allah Taala:

---

<sup>107</sup> *Ibid.*.

<sup>108</sup> *Ibid.*.

<sup>109</sup> *Ibid.*, h. 269.

## وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ

Dan dari kejahatan pendengki bila ia dengki.

Surah al-Falaq (113):5

Diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

دب اليكم داء الأمم قبلكم : الحسد و البغضاء, هي الحالقة : لا أقول تحلق الشعر ولكن تحلق الدين, والذي نفس بيده , لا تدخلوا الجنة حتى تؤمنوا و لا تؤمنوا حتى تحابوا , أفلا أنبئكم بما يثبت ذلك لكم ؟ أفشوا السلام بينكم

Penyakit umat-umat sebelum kalian telah menular kepada kalian iaitu: hasad dan kebencian, dan ia adalah alat pencukur. Tidak aku katakan ia mencukur rambut, malah ia yang mencukur agama. Demi zat yang menguasai jiwanya (Muhammad), kamu semua tidak akan memasuki syurga sehingga kamu beriman dan kamu semua tidak beriman sehingga kamu saling cinta mencintai. Bukankah aku akan mengingatkanmu tentang sesuatu yang apabila kamu kerjakan (nescaya akan menimbulkan perasaan saling mencintai di antara kamu). Sebarkanlah salam di antara kamu sekalian.<sup>110</sup>

Rasulullah s.a.w. telah mengkhabarkan mengenai keadaan hasad yang menafikan kasih sayang dan menyebarkan salam itu membangkitkan kasih sayang yang mana salam itu dapat menjauhkan sifat dengki. Pada pandangan al-Māwardī ia sejajar dengan firman Allah:

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ۚ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ

Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik, apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

Surah Fussilat (41):34

<sup>110</sup> Al-Tirmidhī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā bin Sūrah Ibn Mūsā (2000), *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, “Ṣiḡāt al-Qiyāmah”, no. Hadith 2510 . Riyadh: Dār al-Salām, h.1904.

Menurut beliau lagi, sifat dengki merupakan suatu sifat yang hina yang dituju kepada orang sekeliling yang hampir dan lebih khusus lagi kepada orang yang bergaul dan bersahabat dengannya. Oleh itu menyucikan diri dari sifat ini adalah suatu yang mulia dan menyelamatkan diri darinya akan memperoleh faedah. Ini kerana sifat dengki hanya mengundang kemudaratan kepada jiwa, malah menimbulkan kegelisahan dan tekanan sehingga boleh membawa kepada kebinasaan kepada pelakunya tanpa berhasil mengalahkan musuhnya dan tidak mendatangkan mudarat kepada orang yang didengkinya.<sup>111</sup>

Al-Māwardī mengukuhkan lagi penjelasan mengenai kehinaan sifat dengki ini dengan menyatakan apa yang telah disebut oleh Mu‘āwiyah iaitu tiada keburukan yang dapat mengimbangi keburukan hasad kerana ia dapat membunuh pelakunya sebelum keinginannya sampai kepada orang yang didengkinya. Selain itu juga, kemudharatan dan penderitaan yang dirasai oleh orang dengki adalah bersumber dari dirinya sendiri serta orang yang dengki akan merasa sedih ketika orang yang didengkinya mendapat kebahagiaan.<sup>112</sup>

Pada hakikatnya, sifat dengki merupakan dukacita dan kesedihan yang mendalam atas kelebihan dan kebaikan yang diperolehi oleh orang lain tanpa melalui proses persaingan yang sihat. Sifat dengki dan *al-munāfasah* atau persaingan merupakan dua sifat yang berbeza. Persaingan dalam kebaikan tidak dinamakan dengki. Tetapi persaingan sebenarnya adalah menuntut persamaan dengan kelebihan tanpa menimbulkan mudarat pada orang lain. Sedangkan dengki dilakukan dengan menggunakan cara yang mudarat, ini

---

<sup>111</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 269 & 270.

<sup>112</sup> *Ibid.*, h. 270.

kerana tujuannya adalah untuk menghilangkan kelebihan yang diperoleh oleh orang yang didengkinya.<sup>113</sup>

Persaingan termasuk dalam perbuatan atau akhlak yang mulia kerana ia mendorong kepada usaha untuk meraih kelebihan dan kebaikan serta dalam aspek contoh dan teladan yang baik. Ianya membangkitkan keinginan untuk melakukan ikhtiar dalam mencapai kebahagiaan dan kelebihan.<sup>114</sup>

### **3.6.1 Faktor Penyebab Sifat Dengki**

Faktor pendorong bagi sifat dengki ini dibahagikan kepada tiga menurut al-Māwardī iaitu kemarahan kepada orang yang didengkinya, kelebihan yang terzahir pada orang yang didengkinya dan kurangnya kelebihan pada orang yang dengki.

Faktor pertama ialah kemarahan terhadap orang yang didengkinya. Orang yang dengki merasa sedih dengan kelebihan yang terzahir dan kebaikan yang disyukuri pada orang yang didengkinya. Kesan daripada sifat dengki tersebut akan berubah menjadi kebencian. Bahagian ini tidak bersifat umum dan dapat menimbulkan kemudaratan kerana kebencian ini khusus kepada orang yang didengkinya bukan kepada semua orang.<sup>115</sup>

Faktor kedua ialah apabila terzahir pada orang yang didengkinya itu kelebihan yang tidak dapat diperoleh oleh orang yang hasad, maka ianya melahirkan kebencian kerana merasa dirinya telah didahului. Ini kerana, orang yang dengki merasakan bahawa kelebihan tersebut sepatutnya dikhususkan kepadanya dan telah dirampas oleh orang yang didengkinya. Maka muncul hasad kerana ia merasakan jika ianya tidak dirampas oleh orang

---

<sup>113</sup> *Ibid.*.

<sup>114</sup> *Ibid.*.

<sup>115</sup> *Ibid.*, h. 270 & 271.

yang didengkingnya, maka dirinya yang akan memperoleh kelebihan tersebut. Ianya dikategorikan sebagai pertengahan kerana orang yang dengki itu tidak merasa dengki pada orang yang lebih rendah darinya tetapi kepada orang yang berada lebih tinggi dari dirinya.<sup>116</sup> Dalam kategori ini, ianya dilihat seolah-olah seperti *al-munāfasah* (persaingan) akan tetapi ianya berbeza kerana pada diri orang yang dengki tersebut ada kelemahan iaitu tidak mampu meraih sehingga ianya berubah menjadi dengki.

Faktor ketiga ialah kurangnya kelebihan pada diri orang yang bersifat dengki. Selain itu juga ia bakhil dengan nikmat serta menahan sesuatu yang menjadi miliknya malah mempertahankan sesuatu yang tidak dimilikinya. Ini kerana kurniaan Allah adalah kepada sesiapa yang dikehendakinya. Orang yang dengki ini marah kepada qada' Allah dan merasa hasad kepada orang yang memperoleh kurniaan Allah walaupun nikmat Allah yang telah diterimanya terlalu banyak dan terzahir pemberian Allah kepadanya. Sifat dengki di dalam kategori ini lebih umum tetapi sangat buruk kerana orang yang bersifat dengki tidak akan merasa senang dan tidak redha. Selain itu ianya turut disertai dengan kehendak yang buruk yang membawa kepada kehancuran dan perasaan menuntut balas. Ianya hanya akan membuat orang yang dengki ini sedih dan terlalu sakit.<sup>117</sup>

Al-Māwardī menerangkan tentang kedengkian manusia terhadap manusia lain ialah dengan terzahirnya nikmat dan kelebihan yang ada pada seseorang. Semakin banyak kelebihannya semakin banyak sifat dengki yang timbul iaitu orang yang dengki terhadapnya. Akan tetapi ia akan berkurang jika kelebihannya juga berkurangan. Ini kerana terzahirnya kelebihan itu akan mewujudkan kedengkian dan apabila orang lain memperoleh

---

<sup>116</sup> *Ibid.*, h. 271.

<sup>117</sup> *Ibid.*.

nikmat, maka hati orang yang dengki akan menjadi lemah dan sedih.<sup>118</sup> Nabi s.a.w. bersabda:

استعينوا على انجاح الحوائج بالكتمان لها فان كل ذي نعمة محسود

Mohonlah kalian dalam memenuhi segala keperluan dengan menutupinya sebab setiap orang yang memperoleh nikmat nescaya akan ada orang yang dengki padanya.<sup>119</sup>

Keburukan sifat dengki ini bukan sahaja disebut dalam firman Allah<sup>120</sup> dan juga Hadith Rasulullah s.a.w., malah para sahabat seperti Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb turut memberi peringatan tentang sifat ini. Beliau menyatakan bahawa Allah tidak akan memberi kenikmatan pada seseorang, kecuali akan ada orang yang membencinya. Walaupun orang tersebut selamat dari celaan, tetapi orang yang dengki tidak akan melepaskan celaannya.<sup>121</sup>

### 3.6.2 Cara Mengubati Sifat Dengki

Orang yang dikuasai oleh sifat dengki, perlu berusaha untuk mencegah dan menghindarinya serta menyelamatkan dan membebaskan diri dari kemudaratan dan permusuhan yang ditimbulkan oleh sifat ini. Al-Māwardī telah menyatakan lima cara yang dapat membantu untuk menghentikan kecenderungan sifat dengki.

Cara pertama ialah dengan mentaati perintah agama pada tegahan menjauhi sifat dengki serta kembali kepada Allah dengan bertaubat dan melaksanakan tingkah laku yang baik serta berusaha memaksa dirinya meninggalkan akhlak yang tercela dan berpaling dari tabiat yang buruk ini. Jika sekiranya susah baginya untuk mengubah tabiat ini secara

---

<sup>118</sup> *Ibid.*

<sup>119</sup> Al-Qaḍā’ī (1985), *op.cit.*, no. Hadith 708. h. 412.

<sup>120</sup> Lihat Surah al-Baqarah (2):109; Surah al-Nisa’ (4):54; Surah al-Baqarah (2):213 dan Surah al-Syura (42):14.

<sup>121</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 271.

sekaligus, dengan proses latihan atau *al-riyāḍah* yang dilakukan secara berperingkat-peringkat akan memudahkan apa yang dirasakan susah baginya. Orang yang bersifat dengki tersebut akan merasa suka dengan keletihan yang dihadapinya dalam usaha meninggalkan sifat ini. Orang yang bersifat dengki ini juga perlu memerhatikan pendidikannya iaitu dalam usaha meninggalkan sifat ini kerana sesuatu dapat dibentuk secara perlahan-lahan menjadi kebiasaan, dan melalui proses kebiasaan, maka sesuatu dapat berubah menjadi karakter yang akhirnya sehati pada dirinya.<sup>122</sup>

Cara kedua ialah dengan mengikut petunjuk akal yang sihat. Akal yang sihat akan memikirkan natijah yang dihasilkan oleh sifat dengki adalah buruk malah menolak kehinaan yang ditimbulkannya. Selain itu, akal yang sihat akan memudahkannya menjauhi sifat sombong, mengalahkan kecenderungan untuk dengki dengan mengawal diri serta patuh dan tunduk dengan petunjuk akal serta mendorong kepada pembaikan. Ia boleh dilakukan dengan membenci sifat dengki diiringi cita-cita yang tinggi untuk membuang keburukan dan kehinaan sifat dengki. Hal ini akan mudah dilakukan oleh orang yang mempunyai semangat yang tinggi dan cita-cita yang luhur serta berkeinginan untuk mengubah dirinya dan berpaling dari kedengkian yang menghinakannya.<sup>123</sup>

Ketiga ialah menghindari kemudharatan yang ditimbulkan oleh sifat dengki serta berwaspada dengan kesannya malah mengetahui asal sifat dengki iaitu dari dirinya sendiri sehingga ia dapat menjauhi sifat tersebut. Keteguhan hati adalah perlu untuk menegah sifat dengki yang hanya akan membuatnya merasa gelisah dan sedih hati. Dengan

---

<sup>122</sup> *Ibid.*, h. 272.

<sup>123</sup> *Ibid.*.



meninggalkan sifat dengki ia akan memperoleh kehidupan yang lebih baik yang dipenuhi kebahagiaan dan peribadi yang baik.<sup>124</sup>

Cara yang seterusnya ialah orang yang dengki akan merasa takut dengan pengasingan yang dilakukan oleh orang di sekelilingnya dari segi permusuhan terhadapnya atau celaan terhadap nama baik dan bencana yang membinasakan hartanya.<sup>125</sup> Penawar bagi sifat ini untuk dirinya ialah dengan memperbaiki dan mengislahkannya dengan menjalin persahabatan dan natijahnya ia akan memperoleh lebih banyak manfaat dan kasih sayang yang penuh keikhlasan.

Cara kelima ialah menerima ketentuan Allah dan menerima dengan redha dan pasrah serta menyerahkan urusannya kepada Allah dengan apa yang telah ditakdirkan olehNya. Orang yang bersifat dengki harus menjauhkan diri dari menentang qada Allah serta tidak melanggar perintahNya, kerana ia hanya akan memperoleh kesedihan dan kerugian jika ia melakukannya.<sup>126</sup>

Al-Māwardī menyimpulkan kebahagiaan dapat diraih walaupun dengan hanya melakukan salah satu dari cara-cara yang telah disebut dengan pelaksanaan yang benar. Natijahnya, selamat dari kesakitan, bersih dari kecintaan dan menukarkan kekurangan kepada kelebihan malah dapat menggantikan keburukan kepada kebaikan. Orang yang melepaskan dirinya dari keburukan dan memalingkan diri dari celaan dan hinaan akan jelas terzahir keteguhan hatinya dan kekuatan azamnya berbanding orang yang menahan diri untuk melawan penderitaan dengan tunduk kepada kehinaan iaitu orang yang berpaling dari menahan diri dari sifat dengki. Untuk mengukuhkan pernyataannya ini, al-Māwardī telah

---

<sup>124</sup> *Ibid.*.

<sup>125</sup> *Ibid.*, h. 273.

<sup>126</sup> *Ibid.*.

menukilkan kata-kata Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib yang menyatakan bahawa orang yang terbaik adalah orang yang melakukan kesalahan kemudian bertaubat.<sup>127</sup>

### 3.6.3 Keburukan Sifat Dengki

Sifat dengki menghasilkan akibat yang buruk kepada pelakunya. Sifat dengki akan terzahir pada seseorang sekiranya dipalingkan syahwat dari petunjuknya dan disesatkan halangan dari tujuannya. Apabila keadaan ini terjadi, kehinaan akan menguasai tabiatnya dan akhlak yang tercela akan menjadi kebiasaannya sehingga terzahir sifat dengki dan orang yang dengki akan merasakan kesedihan yang sangat mendalam.

Al-Māwardī menyatakan bahawa terdapat empat keburukan yang akan menjadi natijah kepada orang yang bersifat dengki. Keburukan yang pertama ialah kesedihan dan penyesalan akibat sifat dengki dan kesakitan jasad. Kesedihan dan penyesalannya tidak akan berakhir iaitu tiada pengakhiran dan penderitaan fizikalnya sukar untuk disembuhkan.<sup>128</sup> Keburukan kedua ialah darjat dan kedudukannya akan jatuh dan orang ramai akan berpaling darinya serta lari menjauhinya. Ini kerana orang yang dengki tidak akan memiliki darjat yang luhur sebagaimana disebut di dalam *Manthūr al-Ḥikam*.

Keburukan ketiga ialah orang yang bersifat dengki akan dibenci dan dimusuhi. Ianya akan menyebabkan tiada orang yang akan mengasihinya atau menolongnya. Rentetan dari permusuhan ini menjadikannya terasing dengan kebencian yang tersebar dalam kalangan orang ramai yang bercampur dengan kebencian. Keburukan keempat ialah mendapat kemurkaan dari Allah Taala dalam penentangannya serta dosa yang telah dibuatnya iaitu pada menyalahi ketetapanNya suatu yang adil dan tidak memanfaatkan

---

<sup>127</sup> *Ibid.*.

<sup>128</sup> *Ibid.*.

kenikmatan yang telah dikurniakan olehNya.<sup>129</sup> Ianya sebagaimana sebuah Hadith Rasulullah s.a.w.:

الحسد يأكل الحسنات كما تأكل النار الحطب

Sesungguhnya kedengkian akan memakan kebaikan seperti api yang membakar kayu.<sup>130</sup>

Al-Māwardī juga turut menukilkkan kata-kata ‘Abdullāh bin al-Mu’taz tentang keburukan sifat dengki dan keharusan menjauhi sifat dengki kerana akibat yang dibawa olehnya:

Orang yang dengki itu sangat marah kepada orang yang tidak mempunyai kesalahan terhadapnya, bakhil terhadap sesuatu yang bukan miliknya dan menuntut sesuatu yang tidak diperolehnya, jika sekiranya seseorang bertemu dengan orang yang hasad, yang dengki terhadap kenikmatan yang diperoleh oleh orang lain dan membenci hasil yang dicapai oleh orang lain, maka hendaklah dia meminta perlindungan daripada Allah dari kejahatannya, membersihkan diri dari kehinaannya kerana penyakit yang dibawanya iaitu hasad kerana ianya sangat bahaya sedangkan penawar untuk kesembuhannya sangat sukar.<sup>131</sup>

### 3.7 KESIMPULAN

Secara umumnya, sifat-sifat yang dikategorikan di dalam *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* atau adab yang memerlukan latihan dan pembaikan ini dapat dikategorikan kepada akhlak yang baik (*maḥmūdah*) dan juga akhlak yang buruk (*madhmūmah*). Setiap akhlak buruk perlu disingkirkan dari diri individu Muslim dan setiap baik pula perlu ditanam dalam dirinya melalui latihan dan pelaziman. Di sini dapat disimpulkan bahawa al-Māwardī

<sup>129</sup> *Ibid.*, h. 274.

<sup>130</sup> Abū Dāwūd, al-Imām al-Hāfiẓ Sulaymān bin al-Ash‘as bin Ishāq al-Azdī al-Sijistānī (2000), *Sunan Abī Dāwūd*, “Kitāb al-Adab”, no. Hadith 4903. Riyadh: Dār al-Salām. h. 1583.

<sup>131</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 274.

telah menekan dan memfokuskan isu penyingkiran akhlak buruk yang utama iaitu sifat sombong (*al-i'jāb*) dan bangga diri (*al-kibr*) yang dianggapnya sebagai permulaan bagi akhlak yang buruk. Di dalam penjelasannya, beliau mengemukakan perkaitan antara akhlak baik dan buruk bagi memperlihatkan apakah yang perlu disingkir dari diri dan apakah pula yang perlu diperkukuh dan dijadikan perhiasan bagi diri seseorang demi mencapai peribadi dan sahsiah yang baik sebagai seorang Muslim. Justeru perbincangan beliau melibatkan gabungjalin antara akhlak mulia (*ḥusn al-khuluq*), malu (*al-ḥayā'*), menahan diri dari marah (*al-ḥilm*), marah (*al-ghaḍab*), benar (*al-ṣidq*), dusta atau bohong (*al-kadhb*) dan dengki (*al-ḥasad*) dan persaingan (*al-munāfasah*). Setiap satunya dihuraikan dengan memperlihatkan faktor-faktor kemunculan akhlak-akhlak tersebut dalam diri, cara untuk menyingkirkan akhlak buruk dan juga cara untuk mendapatkan akhlak baik supaya tertanam teguh dalam diri.